

# Wabak bawaan air dikenal pasti

Sebanyak 20 kes Tifoid, 39 kes Leptospirosis dilaporkan sehingga kini

**HULU LANGAT** – Wabak Tifoid mula menyerang orang ramai di Sungai Congkak bermula awal tahun lalu dan sebanyak 20 kes sehingga tahun ini telah dilaporkan ke Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat (PKDHL).

Tahun lalu mencatatkan sebanyak 16 kes manakala empat kes lain dilaporkan pada Januari lalu, sebagai contoh, dalam enam kes dilaporkan tahun lalu empat daripada mereka yang dijangkiti mandi di sungai itu.

Wakil PKDHL telah memberi taklimat tentang wabak itu dan menyatakan penggunaan air sungai dan air bukit yang tidak dirawat boleh mengundang kepada jangkitan wabak itu, malah sebanyak empat kes dilaporkan pada Januari tahun ini.

Selain daripada penggunaan air tidak dirawat, keadaan tandas yang bocor dan

pengaliran air najis terus ke dalam sungai juga adalah salah satu punca berlakunya wabak berkenaan dan kelolaan Sungai Congkak itu adalah di bawah Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Pengerusi Tetap Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, Dr Xavier Jayakumar berkata, beliau telah menerima laporan daripada Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat (PTDHL) dan PKDHL berkaitan wabak itu.

Xavier berkata, taklimat yang diadakan itu adalah bagi mendapat penerangan dan pandangan jelas terhadap wabak yang melanda dua kawasan rekreasi dan sebuah sekolah itu.

“Isu tersebut amat penting dan saya tidak mahu kita hanya terus menunggu se-

hingga wabak berjangkit terus dan tidak dapat dielakkan berikutan adalah lebih baik kita dapat mencegah daripada melakukan rawatan.

“Sungai Congkak adalah salah satu kawasan yang terbuka kepada orang ramai yang ingin melakukan aktiviti riadah dan melancong tetapi terdapat wabak yang melanda kawasan ini seperti Tifoid,” katanya selepas sesi taklimat berkaitan kedua wabak itu di Sungai Congkak.

Xavier berkata, wabak Tifoid adalah penyakit yang berpunca daripada air dan di kawasan Sungai Congkak itu terdapat banyak chalet yang diusahakan 18 pengusaha berbeza.

Justeru katanya, jawatankuasa yang telah ditubuhkan dan diketuai pegawai daerah perlu diaktifkan semula bagi membincangkan permasalahan itu.



■ Xavier melawat kawasan sungai di mana wabak Leptospirosis berlaku.

## 39 kes kencing tikus

Wabak Leptospirosis juga menjangkiti orang ramai dan sebanyak 30 kes dilaporkan berlaku di salah sebuah resort manakala sembilan kes lain berlaku di salah sebuah sekolah di sini.

Menurutnya, wabak tersebut hanya bertakung pada satu kawasan tetapi jika ia mengalir mengikut arus tidak mendatangkan sebarang masalah atau jangkitan wabak.

“Wabak Leptospirosis adalah yang terbaru dilaporkan dan ia

juga telah melibatkan kematian seperti di Pahang tetapi di Hulu Langat sehingga kini hanya dijangkiti wabak dan belum mengakibatkan kematian,” katanya.

Xavier berkata, tindakan segera perlu dilakukan sebelum berlakunya sebarang kematian dan bukan dilaksanakan selepas terdapat kematian malah dalam mesyuarat ‘standco’ juga menunjukkan Hulu Langat adalah kawasan yang terlibat dengan kes itu.

Wakil PKDHL menyatakan

bahawa jangkitan itu boleh merebak melalui air melalui kawasan yang menjadi sasaran tikus dan ia kencing di kawasan itu kemudian air kencingnya mengalir ke dalam sungai.

Katanya, air sungai yang kita mandi dan berendam itu menjadi salah satu faktor berlakunya jangkitan dan beberapa tempat seperti tong sampah, tapak khemah stor berhampiran tapak khemah serta kawasan mempunyai sampah boleh mengundang kehadiran tikus.



■ Kawasan larangan dan amaran oleh PKDHL.

## Chalet tanpa kelulusan

Beliau difahamkan 18 pengusaha chalet di sepanjang Sungai Congkak itu tidak mendapat kelulusan daripada PTDHL atau Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan memerlukan kerjasama daripada mereka.

“Kerjasama mereka adalah penting untuk meningkatkan taraf pelancongan dan pengusaha perlu tampil dan menerangkan masalah yang dihadapi mereka supaya situasi sedia ada boleh dibaiki.

“Pembinaan chalet adalah di atas tanah rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan melalui taklimat ini saya dimaklumkan JPS menyokong asalkan struktur dan binaan diselarasakan,” katanya.

Xavier berkata, beliau menekankan bahawa perusahaan chalet itu mesti dijalankan warga tempatan dan warga asing sama sekali tidak dibenarkan untuk menjalankan

operasi mereka di situ maka bancian perlu dilakukan.

Katanya, jika wabak Tifoid itu masih berada pada tahap terkawal maka operasi masih boleh dijalankan seperti biasa tetapi jika jangkitan wabak adalah dalam jumlah yang besar berkemungkinan kita akan menutup kawasan itu sementara.

Taklimat yang diberikan wakil PTDHL berkaitan status tanah di situ telah dilaporkan dan dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa khas tindakan malah beberapa notis telah dikeluarkan kepada pengusaha.

Bancian perlu dilakukan MPKJ dan JKKK sebelum permohonan lesen pendudukan sementara (TOL) dan pelan ukur diperlukan bagi mendapatkan ulasan teknikal dan sebelum menentukan lokasi pembinaan.



■ Xavier memberi penjelasan pada taklimat berkenaan.